

BAB IV

LAPORAN PENYELIDIKAN

Bab ini merupakan klimaks kepada bab-bab yang terdahulu. Dalam bab ini akan dibentangkan semua penyelidikan yang telah penulis jalankan. Penafsiran dan analisa data akan penulis kumpul dan rumuskan dalam bab ini.

PERMASALAHAN PERTAMA.

1. Bagaimanakah Kedudukan Masjid Di Daerah Temerloh.

Semua masjid yang terdapat di Daerah Temerloh adalah di bawah penyeliaan Pejabat Kadhi Daerah Temerloh. Bilangan masjid yang terdapat di Daerah Temerloh ialah sebanyak 105 buah. Daerah Temerloh mempunyai 12 buah mukim. Mukim-mukim tersebut ialah Mukim Perak yang mempunyai 11 buah masjid.

Mukim Songsang pula sebanyak 3 buah masjid, Mukim Bangau 3 buah masjid, Mukim Sanggang 8 buah masjid, Mukim Kerbau 5 buah, Mukim Lipat Kajang 2 buah, Mukim Lebak 2 buah, Mukim Triang 12 buah. Mukim Bera juga terdapat 12 buah masjid, Mukim Mentakab 5 buah, Mukim Semantan 13 buah dan Mukim Jenderal sebanyak 22 buah masjid.

PERMASALAHAN KEDUA.

2. Bagaimanakah Kedudukan Organisasi Takmir Di Daerah Temerloh.

Rancangan Pengajian Takmir di Temerloh baru sahaja diwujudkan. Program ini di bawah anjuran Jabatan Agama Islam Pahang dan seterusnya ke Pejabat Kadhi Daerah. Di Temerloh Organisasi Takmir dikendalikan oleh Pegawai Penerangan yang merangkap juga sebagai Pegawai Penyelaras Guru-guru Takmir di Pejabat Kadhi daerah. Temerloh mempunyai 12 Mukim yang di bawah kendalian Pejabat Kadhi Temerloh.

Perlantikan Guru-guru Takmir peringkat pertama di Temerloh ialah seramai 39 orang. Mereka ini telah mengimarahkan sejumlah 30 buah masjid dan 37 buah surau. Jumlah kehadiran peringkat awal ini ialah seramai 973 orang. Kemudian pihak jabatan telah membuat perlantikan kedua Guru-guru Takmir seramai 11 orang bagi mengimarahkan 10 buah masjid dan 8 buah surau.

Jumlah Guru Takmir di Daerah Temerloh sekarang ialah seramai 50 orang. Setakat ini masjid yang diimarahkan ialah sebanyak 46 buah dan 48 buah surau. Rancangan Pengajian Takmir Di Daerah Temerloh sekarang ini masih belum menyeluruh ke semua mukim.

PERMASALAHAN KETIGA

3. Apakah Langkah-langkah Yang Diambil Oleh Guru-guru Takmir Di daerah Temerloh Dalam Penyebaran Islam

Guru-guru Takmir memainkan peranan yang penting di Daerah Temerloh dalam meluaskan lagi ajaran Islam. Di samping tugas dan amanah yang diberikan untuk mengimarahkan masjid dan surau di Daerah Temerloh mereka juga membuka kelas-kelas sukarela di masjid dan balairaya di kampung-kampung. Kelas ini dibuka atas permintaan kaum muda yang tidak mengikuti kelas pengajian Takmir itu.

Dalam meluaskan lagi penyebaran Islam mereka juga sering dijemput untuk memberikan ceramah di seluruh kawasan di Temerloh. Ceramah yang diberikan itu serba sedikit dapat mendedahkan kepada masyarakat desa tentang tanggungjawab dan peranan mereka sebagai seorang Islam.

Guru Takmir juga membuka kelas agama untuk kaum wanita bagi memenuhi permintaan mereka. Pengisian pengajian ini lebih tertumpu kepada masalah yang berkenaan dengan persoalan wanita dan peranan mereka dalam kehidupan seharian.

PERMASALAHAN KEEMPAT.

4. Apakah Usaha-usaha Yang Dijalankan Oleh Guru-guru Takmir Dalam Penyebaran Islam Di Daerah Temerloh.

Di dalam memperluaskan lagi penyebaran Islam di Daerah Temerloh, Guru-guru Takmir telah menjalankan beberapa usaha untuk meningkatkan lagi kefahaman dan kesedaran Islam kepada masyarakat di Daerah Temerloh. Di antara usaha-usaha yang telah dijalankan ialah menghidupkan masjid-masjid dan surau-surau di kampung-kampung yang belum lagi terdapat pengajian agama. Mereka memakmurkan masjid dengan mengajarkan ilmu di samping memantapkan lagi aqidah dan keimanan masyarakat.

Guru-guru Takmir juga berperanan sebagai pembimbing kepada masyarakat dalam memahami ajaran Islam dan mengatur kehidupan mereka agar tidak lari dari garisan Islam. Di samping itu Guru-guru Takmir juga sering menjemput penceramah-penceramah dari luar daerah untuk sama-sama memberi syarahan kepada masyarakat seperti pada hari-hari perayaan Maulud Nabi, Fursus pengendalian jenazah, kelas tajwid dan sebagainya.

Dalam usaha ini juga Guru-guru Takmir memainkan peranan yang penting dalam konteks dakwah hari ini iaitu melibatkan diri dalam kegiatan dakwah di setiap daerah dan bergiat cergas dalam pertubuhan Islam.

PERMASALAHAN KELIMA.

5. Apakah Masalah-masalah Yang Dihadapi Oleh Guru-guru Takmir Di Daerah Temerloh.

Dalam menjalankan tugas sebagai Guru Takmir ini mereka juga menghadapi beberapa masalah yang berkaitan dengan pengajian Takmir ini. Di antara masalah-masalah tersebut ialah kekurangan peralatan untuk mengajar secara yang lebih praktikal dan sistematik di masjid-masjid dan surau-surau. Masalah utama dalam hal ini ialah kekurangan papan hitam, pembesar suara dan ketiadaan peruntukkan buku-buku dan kitab-kitab kepada masyarakat yang hadir ke kelas tersebut.

Jika mereka diberikan buku-buku dan kitab untuk rujukan maka mudalah untuk Guru-guru Takmir memberikan penerangan dan penjelasan. Kurikulum yang terlalu luas juga menimbulkan masalah kepada Guru-guru Takmir untuk membuat rujukan.

Masalah yang lain ialah kurangnya sambutan secara menyeluruh dari masyarakat kampung menyebabkan kelas-kelas kurang berjalan dengan baik dan ini menyebabkan kurangnya minat di kalangan Guru-guru Takmir untuk mengajar dan menghadiri kelas-kelas tersebut. Mereka juga menghadapi masalah kelewatan menerima suguhati yang diperuntukkan. Hal ini sedikit sebanyak melahirkan rasa tidak puas hati di kalangan Guru-guru Takmir.



A. PERLAKSANAAN RANCANGAN TAKMIR MASJID DAN SURAU

Rancangan Takmir Masjid Dan Surau adalah suatu program pengajian pelajaran agama Islam secara tidak formal di masjid-masjid dan surau-surau. Ia dianjurkan oleh Jabatan/Majlis Hal Ehwal Islam Negeri dengan bantuan kewangan dari Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri.⁷

Rancangan Pengajian Takmir di Negeri Pahang telah berjalan selama empat tahun semenjak tahun 1986. Pada sepanjang tahun beberapa perubahan kecil telah dibuat bagi tujuan menepati hasrat dan matlamat pelaksanaan rancangan ini.⁸ Rancangan yang dilaksanakan dengan melibatkan peruntukan yang kecil ini masih belum mampu mengimarahkan semua masjid di Negeri Pahang ini khususnya.

Bagaimanapun terdapat juga guru-guru agama yang mengajar di seluruh daerah bagi memenuhi permintaan masyarakat dengan aktif mengajar di semua daerah di

⁷ Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Panduan Rancangan Takmir Masjid Dan Surau, cetakan pertama, Kuala Lumpur, hal. 1

⁸ Laporan Aktiviti Dan Kemajuan Rancangan Takmir Masjid Dan Surau bagi Negeri Pahang 1988.

Negeri Pahang. Pelaksanaan rancangan ini berjalan lancar dan beberapa perubahan serta pembaharuan telah dilakukan.

1. Matlamat Penubuhan Rancangan Takmir Masjid Dan Surau.

Rancangan Pengajian Takmir Masjid dan Surau ini mempunyai matlamat dan tujuannya yang tertentu. Ini adalah untuk mengelakkan salah faham di kalangan masyarakat dan pihak-pihak tertentu. Di antara matlamat tersebut ialah :

- a. Untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan ajaran Islam kepada masyarakat dalam usaha melahirkan anggota masyarakat Islam yang bertakwa dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar.
- b. Untuk membentaras penyebaran ajaran-ajaran agama Islam yang menyelweng dan ajaran sesat.
- c. Untuk menghidupkan masjid-masjid dan surau-surau sebagai tempat penyebaran ilmu dan Islam.

- d. Untuk mengetengahkan tokoh-tokoh agama yang berwibawa sebagai benteng perpaduan dan ketahanan ummah.

2. Konsep Penubuhan Rancangan Takmir Masjid dan Surau.

Penubuhan Rancangan Pengajian Takmir ini berlandaskan kepada beberapa konsep tertentu. Di antaranya ialah :

- a. Rancangan Takmir Masjid dan Surau ini adalah merupakan rancangan Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri dan hendaklah diperlihatkan demikian kepada masyarakat. Penglibatan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, selain daripada mengadakan peruntukan kewangan adalah sebagai penyelaras rancangan sahaja.

- b. Peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri hanya untuk membayar suguhati guru-guru sahaja. Peruntukannya ialah sebanyak RM5.00 untuk satu

syarahan. Segala perbelanjaan untuk mengadakan tenaga penyelia dan menyediakan kitab-kitab, bahan-bahan bacaan dan lain-lain adalah ditanggung oleh Jabatan Agama Islam Negeri.

- c. Jika sesebuah negeri telah sedia ada rancangan pengajian agama seperti ini, Rancangan Pengajian Takmir Masjid Dan Surau tidak dimaksudkan menggantikan rancangan yang sedia berjalan itu tetapi sekadar menampung kekurangan dan memperluaskan pengajian ke masjid dan surau serta menambah bilangan penceramah kepada maksimum empat kali sebulan.

3. Sumber Tenaga Pengajar.

Pemilihan tenaga pengajar adalah semata-mata didasarkan ke atas kepakaran pengetahuan agama dan kewibawaan calon.

Tenaga pengajar adalah diperolehi dari sumber-sumber berikut :

- a. Alim ulama, tokoh agama tempatan dan imam-imam
- b. Guru-guru agama sekolah-sekolah agama negeri.

- c. Guru-guru agama di bawah Kementerian Pendidikan.
- d. Pegawai-pegawai dan guru-guru di bawah Jabatan Agama Islam Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri.
- e. Pensyarah-pensyarah Agama di institusi-institusi pengajian tinggi.
- f. Tokoh-tokoh agama dari badan-badan dakwah dan pertubuhan kebajikan.

Sebagai panduan am dalam pemilihan tenaga pengajar bagi rancangan ini, perhatian hendaklah diberikan agar pelaksanaan rancangan ini tidak akan menimbulkan perpecahan dalam masyarakat.

Dalam membuat pemilihan tenaga pengajar, perhatian hendaklah diberikan supaya guru-guru agama yang sedia ada mengajar di sesebuah masjid atau surau selama ini dikekalkan. Bagi masjid-masjid dan surau-surau yang belum lagi mempunyai kelas-kelas seperti ini, pemilihan guru-guru bagi masjid tersebut hendaklah diberi keutamaan kepada orang-orang tempatan di kawasan berkenaan.

Bagi mendapatkan sumber tenaga pengajar, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Dan Peraksanaan Takmir Masjid dan Surau Negeri Pahang telah pun membuat penapisan dan pemilihan. Dalam mesyuarat tersebut pihak Jawatankuasa telah membuat keputusan menerima seramai 232 orang guru untuk melibatkan diri di bawah program ini. Walau bagaimanapun sehingga akhir tahun 1987 seramai 34 orang telah dikeluarkan dari senarai tenaga pengajar di bawah skim ini. Penguguran mereka dibuat atas beberapa alasan seperti meninggal dunia, menarik diri dan tidak membuat tuntutan saguhati.

Memandangkan bilangan masjid dan surau masih banyak yang belum diimarahkan, seramai 52 orang lagi tenaga pengajar telah dilantik dibawah rancangan ini mulai Julai 1987¹⁰. Menjelang akhir 1988, jumlah tenaga pengajar yang dilantik dan melaksanakan tugas di bawah rancangan ini ialah seramai 248 orang, mereka terdiri dari 244 orang lelaki dan 4 orang perempuan.

Dari sudut taraf pendidikan tenaga pengajar pula, didapati seramai 3 orang tenaga pengajar berijazah, 4 orang lulusan Empat Thanawi dan 198 orang lagi dari

lain-lain kelulusan. Manakala jumlah tenaga pengajar yang berkhidmat dengan Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri Pahang ialah seramai 27 orang.¹¹ Dengan perantaraan baru ini adalah diharapkan dapat menampung serta mengimarahkan masjid dan surau di seluruh Negeri Pahang Darul Makmur.

4. Pemilihan Masjid Dan Surau Serta Taburan Kelas Takmir Mengikut Mukim.

Secara umumnya tujuan, utama Rancangan ~~Takmir~~ Masjid dan Surau ini ialah untuk menyebarkan ajaran agama Islam dan ilmu pengetahuan serta menghidupkan masjid dan surau sebagai pusat budaya ilmu.¹² Oleh itu jika mana-mana masjid dan surau sudah mempunyai kelas-kelas pengajian agama seperti ini maka tidaklah perlu masjid dan surau ini dimasukkan di bawah rancangan ini kecuali jika perjalanannya tidak begitu sempurna oleh sebab kekurangan wang atau pengurusan yang kurang cekap.

Sebagai panduan pemilihan itu bolehlah mengikut keutamaan seperti berikut :

1. Masjid yang belum ada kegiatan agama.

¹¹ Sila lihat lampiran

¹² Ibid., hal. 9.

- ii. Masjid yang ada kegiatan agama tetapi perlu dimasukkan di bawah rancangan ini kerana menghadapi masalah kewangan dan pentadbiran.
- iii. Surau yang belum ada kegiatan agama.
- iv. Surau yang ada kegiatan pengajian agama tetapi perlu dimasukkan di bawah rancangan ini atau untuk menambahkan bilangan pengajian kepada empat kali seminggu.

Dari segi taburan, didapati keadaan taburan kelas pengajian agama di daerah-daerah kadhi banyak dipengaruhi oleh kedudukan (tempat menetap) guru-guru dan para alim ulama' itu sendiri. Keadaan yang demikian menyebabkan wujud beberapa masalah seperti kepadatan bilangan Guru Takmir yang ramai di sesebuah masjid dan surau. Keadaan ini juga mendatangkan kesukaran untuk mendapatkan tenaga pengajar yang berwibawa di kebanyakan tempat terutama di kampung-kampung terpencil dan juga di tanah-tanah rancangan yang baru dibuka.

Pengaruh kedudukan tempat menetap guru-guru dan alim ulama' ini juga mewujudkan masalah taburan kelas pengajian yang tidak seragam. Bagi mengatasi masalah ini telah Penyelesaian Rancangan Takmir Masjid Dan Surau

Negeri Pahang bersetuju mengadakan satu kajian semula bagi menyelaraskan penempatan kelas-kelas Takmir tersebut.

13

Jadual 1: Taburan Kelas Agama Takmir Di Daerah Temerloh Mengikut Mukim.

DAERAH	MUKIM	BIL. MASJID	BIL. SURAU
TEMERLOH	Songsang	5	1
	Sanggung	-	1
	Kerdau	3	3
	Bangau	2	-
	Lebak	-	-
	Jenderak	10	-
	Mentakab	-	1
	L. Kajang	1	1
	Semantan	5	2
	Perak	4	6
	Triang	6	6
	Bera	3	-
JUMLAH		41	21

SUMBER : LAPORAN TAHUNAN RANCANGAN PENGAJIAN TAKMIR MASJID DAN SURAU NEGERI PAHANG.

5. Kelayakan Dan Pengiktirafan Guru Takmir.

Sebelum Guru Takmir mengajar di satu-satu masjid dan surau mereka telah diberi pengiktirafan oleh Jabatan Agama Islam di negeri masing-masing. Di negeri Pahang mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras dan Pelaksanaan Takmir Masjid/Surau telah membuat penapisan dan pemilihan. Keputusannya menerima seramai 233 orang guru untuk melibatkan diri di bawah program ini. 34 orang telah dikeluarkan dari senarai kerana beberapa sebab iaitu :

- i- Meninggal dunia.
- ii- Menarik diri.
- iii- Tidak membuat tuntutan suguhati.

Jumlah sebenar yang terlibat secara langsung ialah seramai 199 orang. Mereka telah mengimarahkan masjid sebanyak 164 buah dan 187 buah surau.

Perlantikan kali kedua telah dijalankan memandangkan masih terdapat masjid/surau yang masih belum diimarahkan. seramai 52 orang lagi telah dilantik di bawah skim ini mulai Julai 1997.

Pada tahun 1988 jumlah tenaga pengajar yang dilantik dan melaksanakan tugas mereka ialah 248 orang. Mereka terdiri dari 244 orang lelaki dan 44 orang perempuan. Guru berijazah seramai 3 orang, empat senawi 47 orang dan lain-lain kulusas seramai 198 orang.

6. Teknik Pembelajaran.

Guru-guru Takmir yang mengajar di masjid dan surau ini menggunakan kitab untuk mengajar bagi pengajian yang telah di tentukan. Bagaimanapun terpulanglah kepada guru tersebut dalam menggunakan buku yang sesuai untuk mereka mengajar. Apa yang amat di titik beratkan ialah kefahaman masyarakat semasa mengikuti pengajian ini.

Teknik yang digunakan adalah menadah kitab. Hal ini biasa digunakan oleh guru agama dan ia masih dipraktikan sehingga kini. Ia lebih menghidupkan suasana pengajian tersebut. Selain itu perbincangan dan diskusi juga dapat memberikan kefahaman kepada para pendengar dan dapat kembali mengujuk kepada periana yang ditanyakan.

7. Waktu Pengajian.

Pengajian ini pada umumnya diadakan di masjid dan surau. Oleh itu pengajian ini diadakan selepas sembahyang Maghrib. Masa ini amat sesuai bagi masyarakat yang waktu siangnya sibuk bertugas dan bekerja ke luar rumah. Di samping berjemaah di masjid mereka juga berkesempatan mengikuti pengajian agama.

Bagaimanapun terdapat sebilangan kecil guru Takmir mengajar di waktu siang iaitu selepas Zohor. Ini tertakluk kepada permintaan masyarakat sekitar tersebut. Terdapat juga Guru Takmir yang mengajar selepas sembahyang Asar.

Masa yang diperuntukan tidak ditentukan oleh pihak Jabatan. Tetapi terpulanglah kepada guru yang mengajar selama mana yang termampu. Kebiasaannya kelas ini bermula selepas sembahyang Maghrib dan tamat apabila masuk waktu Isyak. Pengajian ini berjalan selama satu atau dua jam sahaja.

8. Pengajian Dan Mata Pelajaran.

Sukatan pengajian kelas agama ini telah ditetapkan oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri di dalam pengajian berikut :

- i- Ilmu Tauhid.
- ii- Ilmu Tafsir.
- iii- Ilmu Fekah.
- iv- Ilmu Hadis.

Sukatan pelajaran ini boleh diubah suai mengikut tingkat pemikiran para hadirin, sidang pendengar dan pelajar.

Jawatankuasa Penyelaras dan Pelaksanaan peringkat negeri bertanggungjawab menentukan sukatan pelajaran bagi sesebuah masjid dan surau. Walaubagaimanapun mata pelajaran yang diajar adalah dalam lingkungan tajuk-tajuk kurikulum yang telah ditetapkan.

Sebahagian guru menambah mata pelajaran lain iaitu Ilmu Tasawuf dan sebagainya.

9. Kursus Dan Seminar Peningkatan Guru Takmir Masjid.

Seminar telah diadakan sebelum dan sesudah pengajian di masjid-masjid dalam negeri untuk meningkatkan taraf pengajaran di

kelas-kelas ini. Seminar ini diadakan di peringkat negeri dan kawasan.

Tujuan diadakan seminar adalah kerana :

- a. Untuk mengumpul pendapat, tilaran dan pengalaman bagi meningkatkan kejayaan rancangan.
- b. Untuk mengumpul maklumbalas mengenai kelesahan dan masalah dalam pelaksanaan rancangan ini.
- c. Untuk mendedahkan kepada peserta seminar pengetahuan dan maklumat yang luas mengenai isu-isu semasa yang ada kaitan dengan pengajian ini.

Antara kursus yang telah dilaksanakan :

1. Kursus Anjuran Pihak Pusat.

Tajuk : Ijtima Guru-guru Tahmir Masjid
Seluruh Malaysia.

Tarikh : 18-20 Zulhijjah 1408 H.
(1-3 Ogos 1988).

Tempat : Di Dewan Muktamar Pusat Islam
Malaysia, Jalan Perdana,
Kuala Lumpur.

2. Kursus Anjuran Pihak Negeri.

- a. Tajuk : Kursus Orientasi Guru-guru
Takmir Masjid dan Surau
Negeri Pahang.

Tarikh : 20hb. September, 1986.

Tempat : Pusat Latihan Pertanian, Paya besar
Kuantan, Pahang.

Peserta : 60 orang

- b. Tajuk : Ijtima' Guru-guru Agama Negeri
Pahang.

Tarikh : 23 hb. - 24 hb. Oktober, 1988.

Tempat : Dewan Majlis Daerah Pekan.

Peserta : 220 orang.

3. Majlis Penyampaian Tauliah khas Guru-guru

Takmir Masjid Dan Surau Negeri Pahang.

Tarikh : 1 hb. Oktober, 1987.

4. Kursus Peningkatan Guru-guru Takmir Masjid

dan Surau Negeri Pahang Darul Makmur.

Tempat : Institut Penyelidikan Pendidikan
Negara, Genting Highland.

kursus-kursus ini dijalankan dari semasa ke semasa dalam bidang tertentu untuk meningkatkan kebolehan tenaga pengajar. Semua kursus dibiayai oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Negeri dan Jabatan.

10. Peruntukkan Dan Perbelanjaan.

Peruntukkan dan perbelanjaan bagi tahun 1986 ialah sebanyak \$180,000.00 (seratus lapan puluh ribu ringgit). Melalui tiga waran yang telah disampaikan pada tarikh seperti berikut :

- 22 haribulan Mei 1986.
- 18 haribulan Julai 1986.
- 6 haribulan Oktober 1986.

Walaupun perbelanjaan yang telah dibelanjakan ialah sebanyak \$25,117.80 bagi pengurusan Majlis Pelancaran Rancangan Takmir Masjid dan Surau Negeri Pahang dan pembayaran saguhati tenaga pengajar.

15
Laporan 1988.

16
Laporan 1986.

Bagi tahun 1987 perbelanjaan keseluruhan yang digunakan ialah sebanyak ¹⁷ \$263,180,90 daripada peruntukkan yang telah diluluskan iaitu sebanyak \$492,000,00 melalui waran yang telah dihantar pada :

5.2.1987	\$126,000,00
23.4.1987	\$126,000,00
4.9.1987	\$120,000,00

Mulai Julai 1987 kekerapan mengajar lapan kali sebulan menjadi empat kali sebulan. Dengan ini beberapa peruntukkan bayaran saguhati mengajar bagi satu-satu bulan telah dapat dikurangkan di antara \$10,000,00 hingga \$12,000,00.

Pada Disember 1987 waran penarikan balik peruntukkan sebanyak \$100,000,00 telah dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam. Dengan ini peruntukkan yang sebenar telah diluluskan ialah sebanyak \$392,000,00. Baki yang masih belum digunakan ialah sebanyak \$28,319,10.

Bagi tahun 1988 pula perbelanjaan yang telah
18
diteluarkan mulai Januari 1988 hingga Disember 1988
adalah seperti berikut :

- i. Saguhati untuk penceramah \$299,445,00
- ii. Belanja kursus dan Seminar \$ 7,939,00
- iii. Belanja penceramah Ijtima' \$ 8,098,00

Jumlah peruntukkan yang diterima sebanyak
\$26,675,00. Dan jumlah keseluruhan perbelanjaan yang
ditarik balik ialah sebanyak \$10,000,00. Baki pula ialah
sebanyak \$1,193,00.

B. PERANAN GURU TAKMIR SECARA KESELURUHAN.

1. Mengimarahkan Masjid Dan Surau.

Mengimarahkan masjid dan surau adalah tanggungjawab bersama setiap Muslim. Khususnya mereka yang tinggal berhampiran dengan masjid atau ahli mukim masjid itu. Sehubungan dengan ini kepada mereka yang mengimarahkan masjid dan surau Allah SWT telah memberi jaminan bahawa mereka akan mendapat perlindungan Allah, dan dijauhi dari berlakunya bencana ke atas mereka.

Justeru itu Guru Takmir adalah orang yang diamanahkan untuk sama-sama mengimarahkan masjid dan surau dengan menghidupkan budaya ilmu dan pengajian agama di masjid dan surau di setiap daerah. Di samping itu Guru Takmir juga bertugas mengajar dan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat setempat.

Mereka juga menghidupkan masjid dengan pelbagai program dan rancangan di masjid-masjid dan surau untuk menghidupkan lagi masjid dan surau di antaranya ialah, mengadakan kelas agama, kelas membaca al-Quran, Tajwid, kursus jenazah dan sambutan perayaan besar yang dituntut oleh Islam.

Diharapkan masyarakat Islam akan menjadikan masjid sebagai pusat amal ibadah dan markas menjalankan dakwah Islamiah dan meninggikan syiarnya bersesuaian dengan perintah Allah SWT yang berbunyi :

لَا تَقُمْ فِيهِ أَبَدًا لَلنَّجْدِ أُنِيسَ عَلَى الْفَوَىٰ مِنْ أَوْلِيَاءِ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ
فِي رَجَائِ الْحَيَاتِ أَنْ يَطْفُرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ ﴿٥﴾

Maksudnya :

"Sesungguhnya masjid didirikan atas dasar takwa, sejak hari pertama adalah lebih patut kamu sempahyang didalamnya. Di dalamnya ada orang-orang yang ingin membersihkan diri. Dan Allah menyukai orang-orang yang bersih"

2. Menyebarkan Ilmu Pengetahuan dan Ajaran Islam kepada masyarakat.

Guru Takmir juga adalah dikenali sebagai pendakwaan dan ulama Islam yang serba sedikit banyak mendalami Islam dan ajaran Islam. Justeru itu menjadi tanggungjawab mereka untuk menyebarkannya kepada masyarakat. Oleh itu dalam Rancangan Pengajian Takmir ini dapatlah guru Takmir berperanan untuk menyalurkan

segala ilmu yang diperoleh untuk pedoman dan panduan kepada masyarakat yang masih dalam kegelapan. Ilmu pengetahuan ini amat penting dan perlu didedahkan kepada umum. Kelas ini juga dapat menambah ilmu yang sedia ada.

Penyebaran ilmu ini amat penting untuk membasmi kejahilan umat Islam yang berleluasa dan juga 'buta huruf' dan 'buta agama'. Dengan menghidupkan kembali kelas-kelas agama Takmir ini dapat membantu masyarakat mengenal Islam dengan lebih hampir dan membimbing mereka ke arah yang lebih baik.

Pendedahan dan penyebaran ilmu ini juga dapat mengubah cara hidup masyarakat ke arah keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Oleh itu guru Takmir memainkan peranan yang penting dalam penyebaran ilmu.

3. Meningkatkan Kefahaman dan Kesedaran Islam kepada Masyarakat.

Suatu perkembangan baru yang membanggakan ialah wujudnya kesedaran perlunya kembali semula kepada Islam, setelah sekian lama masyarakat Islam menghadapi berbagai kegagalan demi kegagalan. Bagi menyelesaikan masalah ini

dalam segala aspeknya dengan ideologi dan sistem jahiliah, maka peranan guru Takmir juga perlu dalam memberikan kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat.

Walaupun sebahagian masyarakat hari ini terdedah dengan pengajian agama tetapi mereka tidak diberi kefahaman yang jelas untuk mereka ambil untuk dijadikan amalan dan panduan hidup. Mereka masih beku dalam menilai sesuatu ilmu itu dan gagal dalam tindakan.

Begitu juga dengan kesedaran masyarakat untuk kembali menghayati ajaran Islam perlu dipertingkatkan. Selama ini mereka masih belum dijaga oleh mimpi kosong yang mengkhayalkan, tetapi dengan wujudnya kelas dan pengajian Takmir ini dapat membangkitkan semangat dan kesedaran masyarakat Islam.

Mereka perlu bangun untuk menerima suatu perubahan dalam diri mereka dan menjadikan Islam sebagai landasan dalam kehidupan seharian. Guru Takmir juga berusaha untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan masyarakat kepada Allah, dengan kesedaran dan keyakinan yang ada mudahnya dituntut sesuatu masyarakat itu beramal yang lebih baik dan jujur dan alhamdulillah.

4. Menyatukan Masyarakat Setempat.

Dalam rancangan pengajian ini faktor yang penting juga ialah ingin menyatukan masyarakat ke satu arah dan satu matlamat tanpa menimbulkan permusuhan dan perpecahan. Dengan wujudnya kelas dan pengajian agama di masjid dan surau-surau ini dapat lagi mengeratkan perhubungan persaudaraan serta ikatan ukhwah di antara masyarakat setempat.

Di samping mereka mendalami ilmu dan menimba pengetahuan, mereka dapat bertemu sesama mereka yang selama ini jarang bertemu. Mereka juga boleh berbincang mengenai masalah sesama mereka tanpa timbulnya syak wasangka dan perasaan tidak puashati.

5. Meningkatkan Perkembangan Dakwah.

Perkembangan dakwah Islamiah hari ini begitu tersebar sekali akan tetapi masih terdapat masyarakat yang melakukan pertara-pertara yang mungkar dan ditegah oleh Allah SWT. Dalam hal ini wujudnya pengajian agama dan kelas-kelas ibadah di setiap daerah ini dapat menampung permasalahan ini. Guru Takmir juga terlibat dalam membina perkhidmatan sebagai pendakwah kepada

masyarakat yang masih dalam kejahilan. Mereka berusaha menyadarkan ibubapa dan kaum muda tentang peranan yang harus dimainkan oleh mereka dalam kehidupan seharian.

Dengan perkembangan dakwah dan penyebaran Islam ke serata tempat ini dapat mengubah suasana masyarakat ke arah yang lebih bertakwa kepada Allah SWT. Di samping itu juga Guru-guru Takmir juga berperanan untuk mencegah berlaku kemungkaran dan kebatilan. Mereka turut memainkan tanggungjawab yang besar dalam membawa masyarakat ke arah kecerlangan dan kesejahteraan. Seliranya masyarakat telah sedar dan insaf maka amaniah dunia daripada perkara yang keji dan dimurka Allah.

Oleh itu peranan Guru Takmir dalam konteks dakwah hari ini amat berkesan dalam membantu pertumbuhan Islam mengembangkan ajaran Islam ke serata tempat dan daerah.

C. KEBERKESANAN PENGAJIAN TAKMIR MASJID.

1. Kehadiran.

Pada umumnya kelas-kelas pengajian agama Takmir ini adalah dihadiri oleh masyarakat setempat yang bersifat menetap. Pada tahun 1980 purata kehadiran bagi kelas Takmir di Negeri Pahang ialah seramai 5,156 orang.²⁰

Kumpulan sasaran bagi mengikuti program ini banyak bertumpu kepada golongan tua sahaja atau pengunjung setia masjid. Sebahagian pengajian ini kurang mendapat perhatian dari ketua-ketua dalam masyarakat seperti Ketua Kampung, Penghulu, Pegawai-²¹ pegawai kerajaan dan lain lagi. Kaum wanita lebih ramai menghadiri kelas ini setiap kali diadakan. Terdapat setengah dari mereka yang menghadiri kelas ini tidak menampakan kesungguhan, akibatnya terdapat kelas-kelas Takmir yang dihentikan.

Pertambahan murid dan mereka yang mengikuti kelas ini adalah terlalu kecil. Bahkan setengahnya mempunyai murid yang berasal dari luar negeri. Hal ini berakibat orang-orang yang menunjukkan ketidaktertarikan untuk terus hadir.

20

Laporan 1980.

21

Laporan 1981.

Daerah Temerloh mempunyai bilangan guru Takmir sebanyak 49 orang. Mereka mengajar di 41 buah masjid dan 45 buah surau. Jumlah kehadiran bagi semua kelas Takmir di Daerah Temerloh ialah seperti di dalam jadual berikut:

Jadual 2: Bil. Guru Takmir, Masjid, Surau Dan Kehadiran Penduduk

Daerah	Bil. Guru	Masjid	Surau	Kehadiran
Temerloh	49	41	45	973

2. Pengajian.

Kelas Pengajian Agama Takmir Masjid di Daerah Temerloh berjalan dengan baik mengikut sukatan yang telah ditetapkan. Sukatan matapelajaran yang telah ditetapkan ialah Ilmu Fiqah, Ilmu Tauhid, Hadis dan Akhbar. Penumpuan pengajaran diberikan berdasarkan kepandaian dan keilmuan masing-masing. Keadaan ini disebabkan peratusan jumlah mata pelajaran yang ditetapkan di setiap surau. Ini disebabkan tiada penambahbaikan dalam kurikulum. Keadaan ini disebabkan Hadis yang...

Taburan mata pelajaran adalah seperti berikut :

Jadual 3: Taburan Dan Kekerapan Matapelajaran Yang Diajar.

Sacrah Madhi Ismail	Fiqah	Tauhid	Hadith	Tafsir	Jumlah
	38	33	29	10	110

Dari kajian yang telah penulis lakukan dapat diketahui bahawa masyarakat di setiap daerah kebanyakannya berminat terhadap mata pelajaran Fiqah. Ini adalah berhubung kait dengan permasalahan kehidupan harian dan bersesuaian dengan kehendak mereka. Tidak dinafikan bahawa mata pelajaran lain juga diminati iaitu matapelajaran tauhid kerana ia bersangkutan dengan pemahaman aqidah yang sahih dan meningkatkan keimanan seseorang.

Di samping itu juga mata pelajaran Hadis dan Tafsir juga diajar kepada masyarakat setempat untuk mendapatkan pengetahuan dan maklumat kepada mereka. Setiap mata pelajaran ini diajar sekali seminggu mengikut jadual yang ditetapkan dan juga terdapat di dalam...

masyarakat tersebut.

Dari jadual tersebut juga dapat dilihat bahawa peratus mata pelajaran Fiqah lebih tinggi dari mata pelajaran lain. Setiap mutim juga berbeza kerana guru Talmir tidak diberikan rujukan yang selaras untuk mengajar setiap mata pelajaran tersebut. Oleh itu guru Talmir terpaksa menyediakan sendiri bahan untuk mengajar di kelas tersebut bergantung kepada keadaan sekitar dan kemampuan mereka.

3. Sambutan.

Daerah Temerloh mempunyai keluasan yang besar dan mempunyai masjid yang banyak. Bagaimanapun sambutan yang diberikan ke atas Pengajian Talmir ini adalah di peringkat rendah lagi kerana tahap pencapaian jumlah penduduk di setiap daerah dan mutim tersebut.

Sambutan masyarakat terhadap setiap kelas yang diadakan di Daerah Temerloh adalah seperti yang ditunjukkan di bawah :

Jadual 4: Sambutan Masyarakat Terhadap Pengajian Takmir.

		100	80-100	50-80	30-50	20-30	10-20
Daerah							
Temerloh	M:	-	-	5	23	12	2
	S:	-	-	2	16	24	6

Dari jadual di atas, dapat dilihat bahawa pengajian Takmir ini kerap dihadiri oleh seramai 30 hingga 50 orang penduduk sahaja. Walau bagaimanapun terdapat juga masjid-masjid yang mempunyai kehadiran melebihi 50 orang. Hal ini juga adalah bergantung kepada jumlah penduduk di setiap daerah dan mukim tersebut. Bagaimanapun hanya sebilangan kecil sahaja yang mendapat sambutan kurang dari 20 orang. Pada keseluruhannya sambutan Pengajian Takmir ini adalah di paras sederhana dan perlu dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa.

4. Kefahaman.

Dari kajian ini juga penulis dapat melihat dengan lebih dekat bahawa masyarakat dapat memahami setiap pengajian yang dijalankan. Ini kerana cara dan corak pengajian yang dijalankan oleh Guru Takmir bersesuaian dengan masyarakat tersebut. Bahasa dan penyampaian yang jelas dan terang juga memudahkan mereka memahami setiap penyampaian guru yang mengajar. Hampir 90% daripada mereka yang mengikuti pengajian ini penulis dapati berpuashati dengan cara dan corak pengajian yang dilaksanakan.

Kadangkala Guru Takmir menggunakan papan hitam untuk memudahkan lagi masyarakat memahami apa yang dibincangkan. Di samping itu mereka berpeluang untuk mengemukakan persoalan dan permasalahan kepada Guru Takmir. Ini akan dapat menyelesaikan masalah dan menambahkan kefahaman kepada masyarakat. Secara keseluruhan program perkhidmatan ini dapat menambahkan kefahaman dan penderatan Islam kepada masyarakat berbilang-berlagi dengan berinteraksi dan menambahkan kefahaman terhadap Islam dan masyarakat.